

TARIKH	1 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	Setempat

Tiba awal 6 jam jika mahu inap percuma

PETALING JAYA: Pengurusan Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya menasihati bakal haji supaya tiba sekurang-kurangnya enam jam sebelum waktu melapor diri jika mahu mendapat kemudahan penginapan percuma.

Pengarah Operasi Haji Tanah Air Stesen Kelana Jaya, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, perkhidmatan yang disediakan itu bagi keselesaan

jemaah luar dari Lembah Klang untuk berehat.

Beliau berkata, bakal haji perlu melalui proses daftar masuk dan taklimat sebelum berlepas ke lapangan terbang bagi menaiki penerbangan sembilan jam untuk sampai Tanah Suci.

Katanya, penginapan itu disediakan Tabung Haji sepanjang dua bulan musim haji setiap tahun.

"Ia sebenarnya bilik hotel tiga bintang Hotel Taha D'Kelana, tetapi kemudahan itu diberi secara percuma bagi memudahkan urusan jemaah haji.

"Ada 75 bilik standard, deluxe dan superior yang mampu memuatkan sehingga lima katil. Menariknya ia satu-satunya hotel yang mempunyai laluan ke masjid di aras satu," katanya.

SELESA
...Rafidi
(kanan) dan
Pengurus
Hotel Taha
D'Kelana,
Mustafa
Kamal Abdul
Latiff
di salah satu
bilik
penginapan.

